

Pemilihan UMS tanda kepercayaan keupayaan

UB 12/10/2012 A14

Oleh VITALIS G. BINGKASAN
vbingkasan@yahoo.com

KOTA KINABALU: Pemilihan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat kali pertama sebagai tuan rumah edisi ketiga Kejohanan Taekwondo Universiti Asia 2012 merupakan suatu yang membanggakan.

“Ini memperlihatkan bahawa rakan-rakan di negara Asia percaya dengan keupayaan kita menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa dan memiliki barisan atlet berkeupayaan tinggi.

“Oleh itu kita ingin ucapkan tahniah kepada UMS,” kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) Datuk Haji Omar Abd Rahman.

“Kejohanan seperti ini boleh dilihat sebagai satu platform yang sangat baik dalam mengantarabangsakan keupayaan atlet negara kita ke peringkat tinggi,” tambahnya.


Beliau berkata demikian semasa mewakili menterinya, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin merasmikan kejohanan itu di Dewan Canselor UMS kelmarin.

Ketika ditanya, Omar memberitahu bahawa penyertaan hanya sembilan negara pada kejohanan itu juga merupakan satu kejayaan kerana biasanya kejohanan seperti hanya disertai enam atau tujuh pasukan sahaja.

Kejohanan itu malahan pada awalnya disertai 12 pasukan tetapi tiga pasukan iaitu Brunei, Iran dan Lebanon telah menarik diri pada saat akhir.

Katanya, Persekutuan Sukan Universiti Malaysia (AUSF) mempunyai 35 anggota tetapi kebanyakannya tidak dapat menyertai kejohanan itu atas alasan tersendiri termasuk memberi tumpuan kepada kejohanan dunia atau terlibat dengan kejohanan domestik.

Sembilan pasukan yang menyertai kejohanan tersebut terdiri dari China, Kazakhstan, Mongolia,



OMAR (tengah) melekatkan logo kejohanan sebagai simbolik perasmian Kejohanan Taekwondo Universiti Asia 2012 di UMS kelmarin.

Nepal, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia.

Kejohanan melibatkan lebih 100 atlet dan pegawai tersebut akan berlangsung sehingga esok mempertandingkan 11 kategori Kyorugi (sparing) dan tiga kategori Poomsae (pattern) bahagian lelaki dan



OMAR menyampaikan cendera kenangan kepada kontinjen Malaysia.

wanita.

Edisi pertama kejohanan itu berlangsung di Emiria Arab Bersatu pada 2010 disusuli di Kazakhstan tahun lalu sebelum beralih ke negara ini.

Sambil Timbalan Naib Canselor UMS merangkap Presiden Majlis Sukan Universiti Asean dan Pengerusi Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum), Prof Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur berharap kejohanan itu bukan mengena

pertandingan semata-mata tetapi turut dimanfaatkan untuk berkongsi idea dengan rakan-rakan Asia dan menjalin hubungan persahabatan yang berkekalan.

Turut bersama pada majlis tersebut adalah Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sukan KPTM Dr Ahmad Naim Ismail, Pentaksir AUSF merangkap Naib Presiden Majlis Lembaga Sukan Universiti Thailand, Preecha Prayoonpat.



ATLET Malaysia dan China merakamkan gambar kenangan.